

Kuasai sains untuk kembalikan kedaulatan Islam

UM 6 JUL 2001

KUALA LUMPUR 5 Julai — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, umat Islam harus menguasai bidang sains untuk mengembalikan kekuatan dan kedaulatan Islam supaya tidak terus ditindas.

Katanya, perkembangan sains dimulakan oleh sarjana Islam tetapi kini orang Islam mundur kerana pendapat mengatakan ilmu sains tidak perlu diutamakan selain ajaran Islam yang menjamin dunia akhirat.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Majlis Penutup Konvensyen Sains 2001 bertema 'Pemantapan Ilmu Melalui Penyelidikan Sains Angkasa' di Hotel Palace of The Golden Horses, Seri Kembangan di sini, hari ini.

Konvensyen dua hari itu dianjurkan oleh Institut Ibnu Sina, Universiti Teknologi Malaysia dengan kerjasama Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, orang Islam mengambil masa yang panjang untuk berbahas sama ada proses modenisasi sesuai untuk Islam tetapi orang lain sudah jauh ke depan.

Hari ini pun, katanya, pendapat seumpamanya masih dipegang apabila ramai anak Melayu yang layak memasuki aliran sains tidak berbuat begitu kerana menganggap ia tidak selari dengan Islam.

"Pendapat negatif seumpamanya memberi kesan kepada pembangunan umat Islam kerana menjadikan kita umat yang tidak berteknologi.

"Saya tidak boleh terima dakwaan mengatakan orang Islam mesti lemah dan bergantung pada orang lain serta menyerah nasib sehingga kita selalu ditindas," katanya.

Dr. Mahathir berkata, mempelajari dan menguasai bidang sains adalah wajib sebagaimana yang dilakukan oleh umat Islam terdahulu tetapi sekarang orang Islam cenderung hanya belajar ajaran Islam.

"Bukan kita kata belajar Islam tidak penting tetapi perlukah semua mempelajarinya sehingga kita tidak ada masa untuk mempelajari sains yang penting untuk kesejahteraan orang Islam?" soalnya.

Beliau berkata, menguasai bidang sains adalah satu daripada tuntutan fardu kifayah yang banyak diabaikan sedangkan ia sesuatu yang wajib dilakukan untuk menyelamatkan seluruh umat Islam.

Semasa berdialog dengan para peserta konvensyen itu, Dr. Mahathir menegaskan, para pelajar Melayu harus diberi pendedahan bahawa mempelajari bidang sains adalah sama penting seperti mempelajari pengajian Islam yang menyumbang kepada kesejahteraan ummah.

"Kalau kita boleh kaitkan agama dengan sains dan pentingnya penguasaan sains oleh orang Islam, saya pasti minat akan menjadi lebih tinggi dan lebih ramai rakyat akan mendorong anak mereka belajar sains," katanya semasa mengulas pertanyaan seorang peserta mengenai nisbah saintis Malaysia yang hanya 700 orang bagi setiap sejuta penduduk.

Selain itu, ujarinya, jika guru agama sendiri memberitahu pelajar bahawa mempelajari sains sama juga dengan mempelajari bidang usuluddin, fikah dan sebagainya, bilangan pelajar menceburi sains akan meningkat.

"Ini kerana orang Melayu ini kuat sangat pegangan kepada agama. Kalau sesuatu itu dikatakan dikehendaki oleh agama maka mereka akan mencuba," katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau yakin kekurangan saintis Melayu bukan disebabkan kurang kemampuan mereka dari segi kecerdasan otak untuk menguasai sains.

Menurutnya, cara mempelajari sains sekarang jauh lebih mudah tetapi ia memerlukan perubahan sikap di kalangan orang Melayu untuk berjaya dalam bidang sains.